



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	: TEORI SENIBINA 2
KOD KURSUS	: DSB 2163
PEPERIKSAAN	: APRIL 2016
MASA	: 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (10 Markah)
BAHAGIAN C (80 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B** dan **EMPAT (4)** soalan dari **BAHAGIAN C**. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A: Soalan Pilihan Pelbagai (10 marks)**Arahan: Pilih Jawapan Yang Betul.**

1. Salah satu kejuruteraan struktur yang terkenal semasa kemuncak era Revolusi Industri ialah:
 - A. Crystal Palace
 - B. Villa Savoye
 - C. Pompidou Center
 - D. Beijing National Stadium

2. Pergerakan Arts and Craft diasaskan oleh:
 - A. Renzo Piano & Ricard Rogers
 - B. Antoni Gaudi & Guimard Hector
 - C. William Morris & Philip Webb
 - D. Le Corbusier & Walter Gropius

3. "...berasal daripada perkataan Perancis yang bermaksud Seni Baru. Ia mengambil inspirasi dari bentuk semulajadi, bentuk yang dinamik, berombak dan berlekuk.."

Kenyataan ini merujuk kepada:

 - A. Gaya Arts & Craft
 - B. Gaya Art Nouveau
 - C. Gaya Art Deco
 - D. Gaya Moden

4. Pergerakan yang dikaitkan dengan 'The Jazz Age' adalah gerakan:
 - A. Moden
 - B. Post Modern
 - C. Blobitecture
 - D. Art Deco

5. Namakan salah seorang arkitek hebat (*the great master builder*) yang membangunkan gaya 'Functional Machines':
 - A. Zaha Hadid
 - B. Le Corbusier
 - C. Kenzo Tange
 - D. A.W Pugin

6. Ciri-ciri rumah Schroder House adalah:
- A. Berlekuk, berombak dan bermotif tumbuh-tumbuhan
 - B. Panel sliding menegak, mendatar, warna-warna asas dan planar licin
 - C. Menggunakan bahan binaan semulajadi iaitu batu, kayu dan batu bata
 - D. Mengambil elemen-elemen senibina klasik seperti tiang roman dan pedimen
7. Era Rumah Prairie contohnya Robie House dan Ward Willit House diasas dan direka oleh:
- A. Le Corbusier
 - B. Mies Van der Rohe
 - C. Antoni Gaudi
 - D. Frank Llyod Wright
8. Villa Savoye yang terkenal dengan idea binaan 'purism' atau senibina putih direka oleh:
- A. Walter Gropius
 - B. Le Corbusier
 - C. Jimmy Lim
 - D. Michael Graves
9. Bangunan ini mempamerkan Malaysia ke arah senibina global dari segi pencapaian dan gaya rupa KECUALI
- A. KLIA
 - B. Wisma Ekran
 - C. Litar F1 Sepang
 - D. KLCC
10. Menara Mesiniaga adalah karya _____
- A. Ken Yeang
 - B. Jimmy Lim
 - C. Hisyam Al-Bakri
 - D. Hijjas Kasturi

BAHAGIAN B: Soalan Pendek Berstruktur (10 markah)
Arahan: Jawab Semua Soalan

1. Terangkan dengan ringkas:

i) *'Brises-Soleil'*


ii) *'Domino Structure'*

iii) *'Skin and Bone' architecture*

(6 markah)

2. Namakan bangunan-bangunan yang ditunjukkan dibawah:


i.



Arkitek: FRANK LLYOD WRIGHT

Nama Bangunan: _____


ii.



Arkitek: MIES VAN DER ROHE

Nama Bangunan:

iii.



Arkitek: LE CORBUSIER

Nama Bangunan:

iv.



Arkitek: WALTER GROPIUS

Nama Bangunan:

(4 markah)

BAHAGIAN C: Soalan Esei Pendek. (80 markah)

Arahan: Bahagian ini mengandungi LIMA (5) SOALAN. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Dengan bantuan lakaran, jelaskan '5 points of architecture' yang diperkenalkan oleh Le Corbusier berikut:
 - i. Pilotis
 - ii. Free Facade
 - iii. Ribbon Window
 - iv. Free Plan
 - v. Roof Terrace

(20 markah)

2. Nyatakan arkitek bagi bangunan-bangunan di bawah. Terangkan secara ringkas **DUA (2)** ciri-ciri senibina bagi setiap bangunan tersebut.
 - i. Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur
 - ii. Masjid Negara, Kuala Lumpur
 - iii. Salinger Residence, Kuala Lumpur
 - iv. Menara Mesiniaga, Kuala Lumpur

(20 markah)

3. Pilih **DUA (2)** daripada bangunan yang disenaraikan di bawah. Terangkan dengan jelas gaya dan ciri-ciri senibinanya.
 - i. Sagrada Familia oleh Antoni Gaudi
 - ii. The Empire State Building oleh William F Lamb
 - iii. Schroder House oleh Gerrit Thomas Rietveld

(20 markah)

4. Pilih **DUA (2)** daripada gaya senibina di bawah. Terangkan dengan ringkas ciri-ciri senibinanya beserta seorang contoh bangunan dan arkitek yang terkenal dengan gaya tersebut.
 - i. Deconstructivism
 - ii. High Tech
 - iii. Post Modern

(20 markah)

5. Bincangkan kesan Revolusi Industri terhadap senibina melalui perbandingan antara Era Besi dan Kuasa Stim (1750-1900) dengan Era Keluli dan Elektrik (1900 – kini) dalam bentuk jadual di bawah:

Era Besi dan Kuasa Stim (1750 – 1900)	Era Keluli dan Elektrik (1900 – kini)

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

